



**BAB DUA**

## 2. PENGENALAN TOKOH.

### 2.1. Nama dan Gelaran.

Nama beliau ialah Jamāl al-Dīn Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān bin Abī al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Ubaid Allāh bin ‘Abd Allāh bin Ḥumādā bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ja‘afar bin ‘Abd Allāh bin al-Qāsim bin al-Naḍar bin al-Qāsim bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān bin al-Qāsim bin Muḥammad bin Abī Bakr al-Ṣiddīq al-Qasyrī al-Taymī al-Bakrī al-Baghdādī al-Ḥambalī.<sup>22</sup>

Menurut Ibn al-Qaṭī‘ī,<sup>23</sup> Ibn al-Jawzī dinamakan al-Mubārak sehingga tahun 520 H. Namun pada masa tersebut, di kalangan mereka terkenal dengan gelaran sahaja dan bukannya nama sebenar mereka.<sup>24</sup> Oleh itu nama al-Mubārak merupakan salah satu gelaran bagi beliau semasa kecil.

Ibn al-Jawzī mempunyai beberapa gelaran yang dipanggil untuk menggantikan namanya bahkan gelaran ini lebih terkenal daripada namanya sendiri. Antaranya gelaran yang paling masyhur bagi beliau ialah Ibn al-Jawzī. Terdapat perbezaan pendapat tentang sebab gelaran tersebut diberikan kepada beliau. Menurut Ibn al-Dahiyah, al-Jawzī adalah gelaran yang diberikan kepada datuknya yang

---

<sup>22</sup> Syam al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī (t.t), *Tadhkirah al-Ḥuffāz*, j.3, Beirut: Dār al-Turāth al-‘Arabī, m. 1342.

<sup>23</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Laṭīf bin al-Saiqal al-Najīb dan merupakan salah seorang daripada anak murid Ibn al-Jawzī. Beliau lahir pada tahun 577 H di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 672 H juga di sana. Lihat ‘Abd al-Rahmān bin Syihab al-Dīn Aḥmad Ibn Rajab (t.t), *al-Dhayl ‘alā Ṭabaqat al-Hanābilah*, j.2, Beirut: Dār al-Ma‘arifah, m. 293.

<sup>24</sup> *Ibid.* j.1, m. 400.

kesembilan iaitu Ja'afar yang digelar Ja'afar al-Jawzī dan gelaran tersebutlah dinasabkan pula kepada beliau.<sup>25</sup>

Al-Mundhiri<sup>26</sup> menyatakan bahawa gelaran ini dinasabkan kepada salah satu daripada pelabuhan di Basrah yang dinamakan al-Jawzah.<sup>27</sup> Pendapat ini juga disebut oleh Ibn Khallikan<sup>28</sup> bahawa al-Jawzī adalah dinasabkan kepada pelabuhan al-Jawzah iaitu satu tempat yang masyhur di Basrah.<sup>29</sup>

Menurut 'Abd al-Şamad bin Abī al-Jaysy,<sup>30</sup> al-Jawzī adalah dinisabkan kepada satu rumah kedai di Basrah yang dinamakan kedai al-Jawz.<sup>31</sup> Ada pendapat lain yang menyatakan bahawa berhampiran rumah Ibn al-Jawzī di Wāsiṭ terdapat sebatang pokok *jawzah* yang tidak terdapat di tempat lain.<sup>32</sup>

Berdasar pendapat yang dikemukakan oleh para sejarawan, dapatlah dinyatakan bahawa al-Jawzī merupakan satu gelaran yang diberikan kepada beliau bersempena dengan tempat kediaman beliau. Samada gelaran tersebut

<sup>25</sup> Syam al-Din Muḥammad al-Dhahabī (1990), *Syīr A'alām al-Nubalā'* j. 21, Beirut: Muassasah al-Risālah, m. 372.

<sup>26</sup> Beliau adalah 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawī bin 'Abd Allāh Abū Muḥammad Zakī al-Dīn al-Mundhirī yang berasal dari Syam tetapi lahir di Mesir pada tahun 581 H dan meninggal dunia pada tahun 656 H di Mesir. Beliau menguasai ilmu bahasa, fiqh, sejarah dan hadis. Lihat 'Umar bin Ism'īl Ibn Kathīr (2001), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah, taḥqīq*: 'Alī Muḥammad Mu'awwad, *et al*, j. 13, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, m. 212.

<sup>27</sup> Ibn Rajab (t.t) *op. cit.* j. 1 m. 400.

<sup>28</sup> Beliau ialah Syams al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Abī Bakr bin Khallikān yang merupakan seorang Qāḍī al-Quḍāah dan ulama yang terkemuka. Beliau meninggal dunia pada 26 Rejab 682 H ketika berumur 73 tahun. Lihat Ibn Kathīr (2001), *op. cit.* j. 13, m. 300.

<sup>29</sup> Aḥmad bin Muḥammad Khallikān (t.t), *Wafayāt al-A'ayān wa Anbā Abnā al-Zamān, taḥqīq*: Iḥsān 'Abbās, j.3, Beirut: Dār al-Thaqāfah, m. 142.

<sup>30</sup> Beliau ialah 'Abd al-Şamad bin Aḥmad bin 'Abd al-Qādir dan merupakan salah seorang murid Ibn al-Jawzī. Beliau mempelajari pelbagai ilmu seperti hadis, tatabahasa dan fiqh. Beliau lahir pada bulan Muharram 597 H di Baghdad dan meninggal dunia pada 676 H juga di Baghdad. Lihat Ibn Rajab (t.t), *op.cit.* j.2, m. 293.

<sup>31</sup> *Ibid.* j.1 m. 400.

<sup>32</sup> Al-Dhahabī (1990), *op.cit.* j.21 m. 372.

berdasarkan nama pelabuhan, kedai atau pokok, namun semuanya merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan kediaman beliau di Basrah.

Gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah Abū al-Farj dan Jamāl al-Dīn. Gelaran-gelaran ini adalah berdasarkan sebutan pada awal nama beliau sebagaimana dinyatakan oleh para sejarawan apabila menyebut nama beliau dengan lengkap.

## 2.2. Kelahiran.

Ibn al-Jawzī adalah seorang ulama' yang muncul dan memberi sumbangan pada kurun Keenam Hijrah. Namun dalam menentukan tarikh kelahiran beliau terdapat beberapa pandangan sejarawan yang perlu diberi penelitian yang sewajarnya.

Menurut Ibn Khallikan, Ibn al-Jawzī lahir pada malam Sabtu, 13 Zulkaedah 508 H di Baghdad.<sup>33</sup> Tarikh yang lain disebut pula oleh Al-Dhahabī dengan menyatakan bahawa Ibn al-Jawzī lahir pada tahun 509 H atau 510 H.<sup>34</sup>

Ibn al-Najjār pula menyatakan, bahawa dia meriwayatkan dari tulisan Ibn al-Jawzī yang menyebut bahawa "*aku tidak dapat menentukan secara pasti tarikh lahirku melainkan kematian bapaku pada tahun 514 H. Ibuku memaklumkan*

---

<sup>33</sup> Ibn Khallikan (t.t), *op. cit.* j. m. 142.

<sup>34</sup> Al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j. 21 m. 366

### 2.3. Pendidikan.

Setiap tokoh yang muncul sebagai seorang ulama' dalam Sejarah Islam mempunyai sejarah pendidikan mereka yang tersendiri. Kebanyakan daripada mereka memulakan pengajian seawal usia di bawah sepuluh tahun dengan menghafal al-Qur'an dan mempelajari beberapa ilmu asas seperti bahasa Arab di tempat kelahiran mereka. Seterusnya mereka akan melakukan rehlah atau pengembaraan ke wilayah-wilayah luar untuk menemui ulama'-ulama' tersohor yang berada di pelusok Negara Islam.

Pendidikan Ibn al-Jawzi mempunyai sejarahnya yang tersendiri kerana bapanya telah meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Selepas itu beliau telah dipelihara oleh ibu dan makciknyanya. Walaupun kebanyakkan ahli keluarga beliau berkecimpung dalam perniagaan tembaga<sup>38</sup> namun beliau beruntung kerana ibu dan makciknyanya mempunyai sifat cintakan ilmu pengetahuan.

Baghdad, tempat kelahiran beliau merupakan pusat ilmu pengetahuan dan di sana terdapat banyak pusat pendidikan dan ulama' yang masyhur. Peluang ini merupakan satu kesempatan yang amat bernilai kepada Ibn al-Jawzi apabila beliau memanfaatkannya dengan sebaik mungkin.

Apabila beliau meningkat dewasa, makciknyanya menghantar beliau belajar dengan pakciknyanya Abi al-Faql bin Nāsir yang mengajar di sebuah masjid sempena namanya. Di sini beliau telah mempelajari hadis dengan tekun sehingga mampu

---

<sup>38</sup> Al-Dhahabi (1990), *op cit.* j. 21, m 367.

menguasainya.<sup>39</sup> Beliau juga mempelajari hadis daripada beberapa orang guru yang lain seperti Abī al-Ḥasan dan ‘Alī bin ‘Abd al-Wāhid.<sup>40</sup>

Pengajian Hadis beliau adalah berdasarkan buku-buku hadis yang utama, antaranya seperti al-Musnad, Jami‘i al-Tirmizī, Ṣaḥīḥ Muslim, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitab Ibn Abī Dunyā dan Tārīkh al-Khāṭib.<sup>41</sup> Dalam mempelajari hadis, beliau tidak pernah mengembara ke negara luar.<sup>42</sup> Ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana Baghdad itu sendiri merupakan pusat ilmu pengetahuan pada masa tersebut.

Berdasarkan buku-buku hadis yang dipelajari dan guru-guru yang mengajar beliau di Baghdad, memang tidak dapat dinafikan keilmuan beliau dalam bidang tersebut. Beliau sendiri memperakukan bahawa hampir setiap hadis yang disebut di hadapannya, beliau mampu untuk mengklasifikasikan kedudukan hadis tersebut sama ada *ṣaḥīḥ*,<sup>43</sup> *ḥasan*<sup>44</sup> atau *mawḍū‘*.<sup>45, 46</sup>

<sup>39</sup> ‘Abd al-Ḥayy bin al-‘Imād (t.t), *Syadharāt al-Dhahb fī Akhbār man Dhahab*, j. 3, c.4, Beirut: al-Maktabah al-Tijārī li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī‘i, m. 330.

<sup>40</sup> Ibn al-Najjār (1982), *op. cit.* m.285.

<sup>41</sup> Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* j 1, m 401.

<sup>42</sup> Al-Dhahabi (1990), *op.cit.* m 366.

<sup>43</sup> *Al-Ḥadīth al-Ṣaḥīḥ* ialah hadis (matan) yang diriwayatkan melalui periwat-periwat yang bersambung riwayatnya dengan dipindahkan oleh periwat yang *‘adīl* dan *ḍabīṭ* daripada seorang yang *‘adīl* dan *ḍabīṭ* sehingga penghujungnya serta hadis tersebut tidak Syadh dan Mu‘aallal. Lihat ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥmān Ibn al-Ṣalāḥ (1995), *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth, taḥqīq* Ṣalāḥ bin Muḥammad, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, m. 15-16.

<sup>44</sup> Menurut al-Tirmidhi, al-Ḥadīth al-Ḥasan adalah hadis yang tidak terdapat pada periwat-periwayatnya seseorang yang dituduh dengan dusta dan hadis tersebut bukannya Syadh serta diriwayatkan dari jalan yang lain dengan sedemikian rupa. Lihat Aḥmad Muḥammad Syakir (t.t), *al-Bā‘ith al-Ḥadīthī Syarḥ Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, m. 35.

<sup>45</sup> Al-Ḥadīth al-Mawḍū‘ adalah hadis yang direka dan dicipta oleh pendusta-pendusta serta disandarkan kepada Rasulullah. *Ibid.* m. 76.

<sup>46</sup> ‘Abd al-Ḥayy bin al-‘Imād (t.t), *op. cit.* m. 330.

Beliau telah mempelajari Ilmu al-Qur'ān, Fiqh, Debat dan Usul Fiqh dengan Abū Bakr al-Dīnūrī dan beberapa tokoh ulama' yang lain di Baghdad.<sup>47</sup> Di atas usaha yang dilakukan oleh beliau, di samping bimbingan daripada guru-gurunya telah memungkinkan beliau menempatkan diri sebagai seorang ilmuan dalam bidang tafsir. Beliau menyatakan bahawa:

*“ ramai orang yang mengajar ilmu tafsir tetapi tidak pernah aku mendengar seorang pun daripada mereka yang telah menghabiskan pengajaran tafsirnya dengan lengkap dalam majlis ilmu mereka, tetapi aku berjaya menamatkan pengajaran tafsirku dengan lengkap ”.*<sup>48</sup>

Kenyataan beliau ini merupakan satu pengakuan yang ikhlas tentang usaha yang telah dilakukan dan kebolehan yang dimiliki oleh beliau.

Ibn al-Jawzī juga mempelajari sastera, bahasa Arab dan ilmu *al-w'az* (dakwah) daripada Abū Manṣūr al-Jawālīqī.<sup>49</sup> Beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh sehingga membolehkan beliau muncul sebagai seorang yang terhebat pada zamannya dalam penyampaian ilmu tersebut.<sup>50</sup>

Beliau mula berdakwah semenjak kecil ketika bersama Ibn Nāṣīr lagi. Apabila Ibn al-Zāghūnī meninggal dunia pada 527 H, Ibn al-Jawzī memohon untuk mengajar di halaqahnya tetapi ditolak kerana beliau masih kecil. Namun begitu beliau dibenarkan mengajar di Jāmi'i al-Manṣūr. Pada peringkat awal,

---

<sup>47</sup> 'Abd al-Rahmān bin 'Alī Ibn al-Jawzī (1992), *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Umm wa al-Mulūk*, j. 17, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, m. 276-278.

<sup>48</sup> Ibn al-Jawzī (1992), *op. cit.* j. 18, m. 210.

<sup>49</sup> *Ibid.* j. 17, m. 278.

<sup>50</sup> Ibn al-Najjār (1982), *op. cit.* m. 285.

kuliahnya hanya dihadiri oleh sekumpulan Fuqaha dan seterusnya berkembang dan diikuti oleh khalayak yang ramai.<sup>51</sup>

Kehebatan beliau dalam penyampian dakwah dapat dilihat dari kata-kata beliau:

*“aku terus-menerus memberi peringatan kepada manusia serta menggalakkan mereka agar segera bertaubat. Seramai 100,000 orang telah bertaubat dan seramai 100,000 orang kafir telah memeluk Islam di hadapan ku dan seramai 10,000 kanak-kanak yang leka bermain berjaya aku sedarkan mereka agar memunaikan tanggung jawab mereka”<sup>52</sup>*

Kenyataan yang disebut oleh Ibn al-Jawzī di atas agak keterlaluan dari segi bilangan mereka yang berjaya dipengaruhi oleh beliau. Namun sewajarnya kita melihat jumlah tersebut sebagai satu gambaran tentang kejayaan yang telah diperolehi oleh beliau dalam kegiatan dakwahnya.

Pendidikan yang diterima oleh Ibn al-Jawzī telah mampu membentuk beliau untuk menjadi seorang ilmunan yang mampu memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam. Pengajian beliau adalah meliputi semua ilmu yang menjadi teras kepada Pengajian Islam. Hasilnya beliau berjaya menyampaikan ilmu berdasarkan pengetahuan dan kefahaman yang tinggi.

Beliau menggunakan kesempatan dan peluang yang ada di Baghdad untuk berguru dengan ulama' yang terkemuka pada zaman tersebut tanpa perlu pergi ke negara luar. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh beliau sewajarnya menjadi pemangkin kepada kita untuk mencari ilmu pengetahuan di zaman yang mempunyai berbagai kemudahan ini.

---

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> 'Abd al-Ḥayy bin al-'Imād (t.t), *op. cit.* m.331.



## 2.4. Guru-Guru.

Ibn al-Jawzī mempunyai ramai guru dalam pelbagai bidang ilmu. Di bawah ini akan dinyatakan antara beberapa orang gurunya.

### 2.4.1. Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Ubaid Allāh bin Naṣr bin al-Sarī al-Zāghūnī.

Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Ubaid Allāh merupakan seorang ulama’ yang menguasai pelbagai ilmu seperti *Qiraat al-Qur’ān*, hadis, fiqh dan tatabahasa Arab. Beliau juga turut menyusun beberapa buah buku dalam bab Usul Fiqh dan fiqh. Beliau adalah guru terawal bagi Ibn al-Jawzī yang telah mengajar dan mendidik beliau semenjak kecil. Al-Zāghūnī. meninggal dunia pada 17 Muharram 527 H dan dikebumikan di *Bāb Harb*.<sup>53</sup>

### 2.4.2. Abū al-Fatḥ al-Dīnūrī Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad.

Abū al-Fatḥ al-Dīnūrī Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad adalah di antara guru Ibn al-Jawzī yang turut membentuk pemikiran dan keilmuan beliau. Kehebatan dan keilmuan Abū al-Fatḥ al-Dīnūrī dalam bidang hadis dan fiqh telah menarik minat Ibn al-Jawzī untuk belajar dengannya. Antara ilmu yang dipelajari daripada beliau ialah hadis dan fiqh serta beberapa ilmu yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 532 H.<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> Ibn al-Jawzī (1992), *op.cit.* j. 17, m.278.

<sup>54</sup> *Ibid.* m. 328.

### 2.4.3. Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī.

Antara tokoh lain yang terkenal di Baghdad ketika itu ialah Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī, yang merupakan seorang ulama’ yang menguasai ilmu berkaitan dengan al-Qur’ān dan hadis. Kesempatan ini telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī untuk mempelajari hadis dan beberapa ilmu yang lain daripada beliau. Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī, lahir di *Basrah* pada 10 Safar 442 H dan meninggal dunia pada 2 Rejab 535 H.<sup>55</sup>

### 2.4.4. Aḥmad bin Muḥammad bin al-Ḥasan bin ‘Alī al-Baghdādī.

Aḥmad bin Muḥammad bin al-Ḥasan bin ‘Alī al-Baghdādī merupakan seorang ulama’ yang berpegang teguh dengan jalan Salaf al-Salih serta mempunyai sifat-sifat terpuji dan amat iltizam dengan sunnah Nabi. Keperibadian beliau ini telah menarik minat Ibn al-Jawzī untuk belajar daripada beliau beberapa ilmu terutamanya yang berkaitan dengan hadis. Beliau lahir pada tahun 463 H dan meninggal dunia pada bulan Rabiul Awal 540 H dan dikebumikan di Aṣbahān.<sup>56</sup>

### 2.4.5. Abū Maṣṣūr bin Mawḥūb bin Abī Ṭāhir Aḥmad bin Muḥammad bin al-Ḥadr al-Jawālīqī.

Al-Jawālīqī adalah seorang ulama’ yang menguasai ilmu hadis dan bahasa Arab. Beliau mempunyai sifat peribadi yang terpuji seperti tawaduk dan tidak bercakap melainkan selepas berfikir dengan sebaiknya. Keperibadian dan

<sup>55</sup> *Ibid.* j. 18, m.13-14.

<sup>56</sup> *Ibid.* m. 45.

keilmuan beliau itu telah menarik minat Ibn al-Jawzī untuk mempelajari hadis dan bahasa Arab daripada beliau. Al-Jawālīqī lahir pada tahun 465 H dan meninggal dunia pada hari Ahad bulan Muharram 540 H dan dikebumikan di Bāb Ḥarb di sisi kubur bapanya.<sup>57</sup>

#### **2.4.6. Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Alī bin Aḥmad bin ‘Abd Allāh al-Baghdadī.**

Beliau merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas dan pakar dalam bidang al-Qur’ān, hadis dan sastera. Keilmuannya dalam pelbagai bidang telah diterjemahkan dalam kehidupannya sehingga beliau menjadi seorang yang banyak melakukan ibadah, membaca al-Qur’ān, baik akhlaknya serta bepegang teguh dengan al-Sunnah. Beliau mempunyai murid yang ramai termasuklah Ibn al-Jawzī. Menurut Ibn al-Jawzī “ *aku mempelajari al-Qur’ān dan hadis daripadanya dan aku tidak pernah mendengar orang yang lebih baik suaranya apabila membaca al-Qur’ān*”. Beliau lahir pada tahun 464 H dan meninggal dunia pada tahun 541 H di Baghdad.<sup>58</sup>

#### **2.4.7. Abū al-Faṭḥ al-Karūkhī ‘Abd al-Mulk bin ‘Abd Allāh bin Abī Sahl.**

Abū al-Faṭḥ Al-Karūkhī adalah seorang yang baik, soleh, dan boleh dipercayai. Di samping itu beliau juga mempunyai pengetahuan yang amat luas dalam bidang hadis dan menguasai beberapa kitab hadis yang utama. Al-Karūkhī telah

---

<sup>57</sup> *Ibid.* m. 540.

<sup>58</sup> Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* j.1. 209-212.

berhijrah ke Baghdad dan dengan peluang ini Ibn al-Jawzī telah belajar daripada beliau Manāqib Aḥmad bin Hanbal dan Jāmi' al-Tirmizī. Beliau lahir pada bulan Rabiul Awal 462 H di Ḥarah dan meninggal dunia di Baghdad pada bulan Zulhijjah 548 H tiga hari selepas pulang dari menunaikan haji.<sup>59</sup>

#### **2.4.8. 'Abd al-Khāliq bin Aḥmad bin 'Abd al-Qadīr bin Muḥammad bin Yūsuf Abū al-Farj al-Ḥusayn bin Abī al-Qāsim.**

'Abd al-Khāliq bin Aḥmad bin 'Abd al-Qadīr mempunyai kefahaman yang baik dan menguasai ilmu *naql*. Beliau juga banyak menulis dan mampu menyampaikan dakwah dengan efektif. Peluang ini telah digunakan oleh Ibn al-Jawzī untuk mempelajari hadis daripada beliau. 'Abd al-Khāliq bin Aḥmad lahir pada tahun 494 H dan meninggal dunia pada 1 Muharram 548 H dan dikebumikan di perkuburan syuhadah di Bāb Ḥarb.<sup>60</sup>

#### **2.4.9. Abū al-Faḍl al-Baghdādī Muḥammad bin Nāṣir bin Muḥammad bin 'Alī bin 'Umar.**

Di antara tokoh ulama' lain yang menjadi guru kepada Ibn al-Jawzī ialah Abū al-Faḍl al-Baghdādī Muḥammad bin Nāṣir yang ketika itu menetap di Baghdad. Beliau diiktiraf sebagai seorang yang *thiqah*, *dābit* dan *ḥāfiẓ*. Kehebatan beliau ini telah mengaruhi Ibn al-Jawzī untuk mempelajari hadis dan beberapa ilmu yang lain daripada beliau. Abū al-Faḍl lahir pada hari Sabtu, 15 Syaaban 467 H

---

<sup>59</sup> Ibn al-Jawzī (1992), *op. cit.* 18, m. 92.

<sup>60</sup> *Ibid.* m. 92-93.

dan meninggal dunia pada hari Selasa, 10 Syaaban 550 H dan dikuburkan di Bāb Ḥarb.<sup>61</sup>

#### **2.4.10. Abū Ḥakīm al-Nahrawānī Ibrāhīm bin Dīnār bin Aḥmad bin al-Ḥusayn bin Hamīd bin Ibrāhīm al-Nahrawānī.**

Beliau adalah seorang ulama' yang menguasai hukum fiqh mengikut pandangan mazhab-mazhab, khilaf dan faraid. Keperibadiannya sendiri mencerminkan kehebatan beliau sebagai seorang yang zahid, ahli ibadah serta sentiasa berpuasa. Dalam menyampaikan ilmunya, beliau mempunyai kelebihan kerana memiliki sebuah sekolah sebagai tempat beliau mengajar dan dalam masa yang sama beliau menetap di Baghdad. Ibn al-Jawzī menyatakan bahawa “ *aku mempelajari al-Qur'ān, mazhab dan faraid daripada beliau*”. al-Nahrawānī lahir pada tahun 480 H dan meninggal dunia pada hari Selasa, 13 Jamadil Akhir 556 H.<sup>62</sup>

Kewujudan begitu ramai ulama' di Baghdad pada kurun Keenam Hijrah telah memberi satu peluang yang baik kepada Ibn al-Jawzī untuk menuntut ilmu dengan sebaik mungkin. Ulama' tersebut telah berjaya membentuk Ibn al-Jawzī untuk muncul sebagai seorang ilmuan yang mampu memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam di Baghdad.

---

<sup>61</sup> Ibn Rajab (t.t.), *op. cit.* j.1, m. 239-241.

<sup>62</sup> Ibn al-Jawzī (1992), *op. cit.* j. 18, m. 150.

## 2.5. Murid-murid.

Keilmuan Ibn al-Jawzī yang meliputi semua bidang telah menjadikan beliau seorang ulama' yang berpengaruh dan mempunyai murid yang ramai. Di bawah ini akan dikemukakan beberapa orang murid beliau:

### 2.5.1. Abū Muḥammad 'Abd al-Ghanī bin 'Abd al-Wāhid bin 'Alī bin Sarūr.

Beliau adalah seorang *hafiz* dan *muhaddith* serta zuhud dalam kehidupannya. Beliau lahir pada tahun 541 H di Jamā'īl, Baitul Maqdis dan telah mengembara ke Damsyik ketika kecil. Beliau berhijrah ke Baghdad pada tahun 561 H dan tinggal di sana selama 4 tahun dan meninggal dunia pada tahun 601H di Damsyik.<sup>63</sup> Keilmuan beliau dalam bidang hadis merupakan salah satu daripada hasil bimbingan gurunya Ibn al-Jawzī.

### 2.5.2. Ibn Ibrāhīm bin 'Alī Ibn al-Badhī.

Beliau adalah seorang yang warak dan zuhud serta sentiasa berhati-hati dalam amalan dan tindakan. Keilmuan yang dimiliki oleh Ibn al-Jawzī telah mendorong beliau mempelajari pelbagai ilmu daripada Ibn al-Jawzī seperti hadis dan fiqh. Beliau meninggal dunia pada tahun 622 H di Baghdad.<sup>64</sup>

---

<sup>63</sup> Ibn Rajab (14), *op. cit.* j. 2, m. 5-6.

<sup>64</sup> Ibn al-Kathīr, (2001), *op. cit.* j.13, m.112.

### **2.5.3. Muḥammad bin Abī al-Qāsim bin Muḥammad al-Syaykh Fakhr al-Dīn Abū ‘Abd Allāh bin Taymiyah al-Ḥarārī.**

Muḥammad bin Abī al-Qāsim al-Ḥarārī menguasai beberapa bidang ilmu pengetahuan hasil pengajian beliau di Baghdad. Pengetahuan beliau yang luas dalam ilmu fiqh telah memungkinkan beliau dikenali sebagai salah seorang faqih dalam mazhab Hambali. Keilmuan beliau dalam bidang lain dapat dibuktikan dengan penghasilan beberapa karya dalam bidang Tafsir al-Qur’ān. Didikan yang diterima oleh beliau daripada Ibn al-Jawzī melayakkan beliau menjadi penyambung usaha gurunya untuk berdakwah. Selepas kematian gurunya Ibn al-Jawzī, beliau mengambil tempat gurunya untuk melaksanakan tugas tersebut.<sup>65</sup>

### **2.5.4. Ibn al-Najjār Muḥammad bin Maḥmūd bin al-Ḥasan bin Hibbat Allāh.**

Ibn al-Najjār merupakan anak murid Ibn al-Jawzī yang paling terkenal dan banyak menukilkan riwayat hidup gurunya ini dalam tulisannya. Kehebatan Baghdad sebagai pusat ilmu pengetahuan telah mendorong beliau untuk berhijrah ke sana. Peluang yang ada ini digunakan oleh beliau untuk mempelajari pelbagai ilmu seperti hadis sehingga mencapai kedudukan bertaraf *ḥāfiẓ*. Beliau lahir pada tahun 574 H dan meninggal dunia pada hari Selasa 5 Syaban 643 H ketika berumur 75 tahun.<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> *Ibid.* m. 111.

<sup>66</sup> *Ibid.* m. 171.

### 2.5.5. Yūsuf bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī.

Yūsuf bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī merupakan seorang faqih dan pakar dalam bidang usul fiqh. Dalam masa yang sama beliau juga adalah seorang pendakwah yang berpengaruh kesan didikan daripada Ibn al-Jawzī. Beliau banyak menulis buku antaranya dalam bidang tafsir dan fiqh mazhab Hambali. Beliau lahir pada 12 Zulqaedah 580 H di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 656 H.<sup>67</sup>

Kemunculan ramai anak murid Ibn al-Jawzī merupakan satu kesinambungan keilmuan beliau untuk disampaikan kepada generasi selepasnya. Idea dan pemikiran Ibn al-Jawzī telah dikembang dan digilap oleh murid-murid beliau yang mempunyai kredibiliti yang tersendiri.

### 2.6. Mazhab.

Kebanyak ulama’ pada kurun tersebut mempunyai mazhab atau aliran pemikiran yang menjadi ikutan mereka terutama dalam masalah fiqh. Ibn al-Jawzī yang lahir dan menuntut ilmu di Baghdad tidak dapat mengelak diri dari aliran tersebut akibat pengaruh ulama’ dan bentuk pemikiran yang terdapat di sana.

---

<sup>67</sup> Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* j.2, m. 258-260.



Kebanyakan guru beliau dan masyarakat di Baghdad itu sendiri yang cenderung kepada mazhab Hambali telah mempengaruhi beliau untuk berpegang dengan aliran yang sama. Ibn Rajab al-Hambālī menyenaraikan beliau dalam bukunya al-Dhayl ‘alā Ṭabaqāt al-Ḥanābilah serta menyebut bahawa beliau adalah antara ulama’ mazhab Hambali yang taasub kepada pendapat mazhabnya melebihi had yang sewajarnya.<sup>68</sup>

Pandangan Ibn Rajab ini mempunyai kebenarannya kerana kenyataan tersebut dapat dilihat dari hasil karya dan fatwa yang ditinggalkan oleh Ibn al-Jawzī. Buku al-Taḥqīq fī Aḥādīth al-Khilāf yang disusun oleh beliau adalah satu contoh yang jelas tentang sikap tersebut. Buku ini disusun untuk mengemukakan pendapat mazhab Hambali dan menolak pendapat mazhab-mazhab yang lain. Sebagai contoh, masalah hukum wajib mandi bagi seseorang kafir yang memeluk Islam menurut pendapat Hambali dan sunat di sisi Abu Hanifah dan al-Syafi’ī. Beliau hanya mengemukakan dalil yang menyokong mazhabnya yang menghukumkan mandi itu sebagai wajib.<sup>69</sup>

Pandangan dan fatwa Ibn al-Jawzī dalam sesuatu hukum tetap diiktiraf oleh ulama’ mazhab itu sendiri sebagai satu pendapat dalam mazhab Hambali. Ibn Taymiyah<sup>70</sup> dalam mengemukakan fatwanya, banyak menyebut pendapat Ibn

---

<sup>68</sup> *Ibid.* j.1, m. 431.

<sup>69</sup> ‘Abū Abd al-Raḥmān bin ‘Alī Ibn al-Jawzī (1994), *al-Taḥqīq fī Aḥādīth al-Khilāf*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, m.223.

<sup>70</sup> Beliau ialah Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm al-Taymiyah. Beliau lahir di Ḥarān pada tahun 661 H dan merantau ke Damsyik bersama bapanya akibat serangan Tartar. Beliau meninggal dunia pada tahun 768 H di Damsyik. Lihat Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *al-‘Alām Qāmūs Tarājum*, j.1, c.4, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, m. 110

al-Jawzī sebagai salah satu pandangan dan fatwa dalam mazhab Hambali apabila beliau mengemukakan beberapa pendapat dalam mazhab Hambali.<sup>71</sup>

Sekalipun Ibn al-Jawzī agak fanatik terhadap mazhabnya dalam berpegang kepada satu-satu hukum, namun pandangan dan fatwa beliau sewajarnya diteliti kerana beliau juga agak kritis dalam mengemukakan pendapatnya serta iltizam dengan al-Qur'an dan hadis.

Pegangan Ibn al-Jawzī dalam perkara berkaitan dengan aqidah adalah pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau menentang dengan keras pegangan mazhab-mazhab yang lain yang dianggap menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenarnya. Sebagai contoh di dalam buku *Talbīs Iblīs*<sup>72</sup> beliau menyebut bahawa Ḥarūriyah<sup>73</sup>, Qadariyah<sup>74</sup>, Jahamiyah<sup>75</sup>, Murjiah<sup>76</sup>, Rāfidah<sup>77</sup> dan Jabariyah<sup>78</sup> sebagai punca kepada kelahiran puak-puak sesat yang menyeleweng dari ajaran Islam. Buku ini ditulis khas untuk menentang dan menyatakan

---

<sup>71</sup> Taqiy al-Dīn Aḥmad bin Taymiyah Ibn Taymiyah (1998), *Majmu'ah al-Fatāwa, taḥqīq: 'Aāmir Jazẓār et al.* j. 23, c. 2, Kaherah: Dār al-Wafā, m. 160.

<sup>72</sup> 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī Ibn al-Jawzī (1998), *Talbīs Iblīs*, Damsyik: Dār al-Khayr, m. 32-36.

<sup>73</sup> Puak *Khawārij* selepas kembali dari Ṣiffīn mereka menuju ke Kufah dan dalam perjalanan ini mereka mengasingkan diri ke *Ḥarawrah*. Ketika itu mereka berjumlah seramai 12 ribu orang. Oleh sebab itu mereka dikenali sebagai al-Ḥarawriyah. Lihat 'Abd al-Qāhir bin Tāhir, (t.t), *al-Farq bayna al-Firaq, taḥqīq*. Muḥammad Muhy al-Dīn bin 'Abd al-Ḥamid, Kaherah: Matba'ah al-Madani, m. 75.

<sup>74</sup> Di kalangan mereka ada yang berpendapat bahawa Allah tidak mempunyai sifat yang azali dan menafikan melihat Allah di akhirat kelak. Mereka juga berpendapat bahawa manusia berkuasa penuh atas usaha-usaha mereka. *Ibid.* m. 114-115.

<sup>75</sup> Mereka adalah pengikut Jahm bin Ṣafwān yang berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai pilihan dalam amalan dan menolak sebarang kemampuan manusia untuk melakukan sesuatu. Syurga dan neraka juga akan musnah selepas dimasuki oleh penghuninya. *Ibid.* m. 211.

<sup>76</sup> Mereka adalah satu kumpulan yang berpegang dengan pendapat bahawa iman tidak akan dirosakkan oleh maksiat sebagaimana kufur tidak akan dipengaruhi oleh ketaatan kepada Allah. *Ibid.* m. 202.

<sup>77</sup> Terdapat di kalangan mereka seperti *al-Sabā'iyah* yang menyatakan bahawa 'Alī adalah tuhan. *Ibid.* m. 22.

<sup>78</sup> Mereka berpendapat bahawa tidak ada perbuatan bagi manusia tetapi hanya Allah sahaja yang melakukan semua perbuatan manusia. Ibn al-Jawzī (1998), *op. cit.* m. 32.

kesesatan kumpulan-kumpulan selain ahli Sunnah wal Jamaah yang dianggap menyeleweng dari aqidah yang sebenarnya.

Berdasarkan fakta di atas, Ibn al-Jawzī amat iltizam dengan pegangan beliau sama ada dalam perkara berkaitan dengan aqidah atau pun fiqh. Iltizam inilah sebenarnya yang mampu mendorong beliau untuk berdakwah dan menulis buku sebagai satu manifestasi terhadap pandangan beliau.

## 2.7. Pandangan Ulama' Terhadap Ibn al-Jawzī.

Ibn al-Jawzī telah mendapat pengiktirafan daripada masyarakat Islam samada mengenai perkara yang berkaitan dengan keperibadian mahu pun keilmuan beliau. Pandangan ulama'-ulama' lain sebenarnya merupakan satu perakuan yang mampu melahirkan rasa hormat dan kagum terhadap beliau.

Menurut Ibn Khallikān, Ibn al-Jawzī adalah seorang ulama' yang ulung pada zamannya, *imām* dalam bidang hadis dan dakwah. Beliau juga telah menyusun buku-buku dalam pebagai bidang.<sup>79</sup>

Al-Dhahabī<sup>80</sup> mengiktiraf Ibn al-Jawzī sebagai seorang yang memiliki ilmu yang luas dalam tafsir, sirah dan sejarah. Beliau disifatkan sebagai seorang yang elok pertuturan, *faqih*, berilmu dalam hal ehwal *ijmā'* dan khilaf,

---

<sup>79</sup> Ibn Khallikan (t.t), *op. cit* j. 3 m. 140.

<sup>80</sup> Beliau ialah Syam al-Din Muḥammad bin Ahmad bin Uthmān dan merupakan seorang Ḥafiz dan sejarawan. Beliau lahir di Damsyik pada tahun 673 H dan meninggal dunia pada tahun 748 H juga di Damsyik. Lihat Khayr al-Din al-Zereklī (1979), *op. cit.* j.5, m. 362.

mempunyai kekuatan kefahaman, kecerdikan dan hafalan. Tidak ada ulama yang dapat menandingi kehebatan beliau dalam penyusunan buku.<sup>81</sup>

Ibn Kathir<sup>82</sup> pula menyebut bahawa Ibn al-Jawzi<sup>7</sup> adalah salah seorang ulama' yang menyerlah dalam pelbagai bidang ilmu. Beliau mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan ulama' yang lain. Keistimewaan beliau dapat dilihat dari sudut bentuk dan cara penyampaian ilmu dan dakwahnya. Majlis ilmunya dihadiri oleh semua lapisan masyarakat termasuk khalifah, menteri dan orang-orang miskin. Beliau telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang tafsir, hadis, sejarah, matematik, fiqh dan bahasa Arab.<sup>83</sup>

Menurut Ibn Rajab, Ibn al-Jawzi<sup>7</sup> merupakan seorang *ḥāfiẓ*, *faqih*, pendakwah, sejarawan serta *imām* di zamannya.<sup>84</sup>

Al-Suyūṭi<sup>85</sup> menyebut di dalam bukunya *Ṭabaqāt al-Mufasssiriṅ* bahawa, Ibn al-Jawzi<sup>7</sup> adalah seorang pendakwah dan telah menyusun karya-karya yang masyhur dalam pelbagai bidang seperti tafsir, hadis, fiqh, dakwah, *zuhd* dan sejarah.<sup>86</sup>

---

<sup>81</sup> Al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j. 21 m. 367.

<sup>82</sup> Beliau ialah Isma'īl bin 'Umar Ibn Kathir dan merupakan seorang faqih, ḥāfiẓ, mufasssir, dan sejarawan. Beliau lahir pada tahun 701 H dan meninggal dunia pada tahun 774 H di Damsyik. Lihat Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *op. cit.* j.3, m.320.

<sup>83</sup> Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 13, m. 28.

<sup>84</sup> Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* J.1, m. 423.

<sup>85</sup> Beliau ialah Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr al-Suyūṭi. Beliau merupakan seorang ḥāfiẓ, sejarawan dan sasterawan. Beliau menyusun sebanyak 600 karya yang terdiri daripada buku yang besar dan kecil. Beliau lahir pada tahun 849 H dan bergerak aktif di Mesir. Beliau meninggal dunia pada tahun 911 H. Lihat Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *op. cit.* j.3, m. 301.

<sup>86</sup> 'Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr al-Suyūṭi (1960), *Ṭabaqāt al-Mufasssiriṅ*, edited by A. Meursinge, Tehran: Publications of M.H. Asadi, m. 17. Lihat juga Muḥammad bin 'Alī al-Dāwūdī (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssiriṅ*, j.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, m. 276.

‘Umar Riḍā Kuhhālah pula menyatakan bahawa Ibn al-Jawzī sebagai seorang *muḥaddith*, *ḥāfiẓ*, ahli tafsir, *faqih*, pendakwah, sasterawan, sejarawan. Beliau juga telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang-bidang yang lain.<sup>87</sup>

Pandangan ulama dari beberapa zaman ini merupakan satu bukti bahawa Ibn al-Jawzī diiktiraf oleh semua generasi. Sewajarnya kita generasi hari ini perlu mengiktiraf sumbangan beliau dengan mengkaji sebaik mungkin karya dan pandangan beliau sebagai satu sumbangan kepada Khazanah Ilmu Islam.

## 2.8. Kewafatan.

Ibn al-Jawzī telah mencurahkan jasa yang besar dalam perjuangan Islam terutamanya dalam dakwah dan penulisan buku. Seperti sudah menjadi sunnah bagi setiap ulama’ akan menghadapi ujian dalam kehidupan mereka. Perkara yang sama menimpa ke atas Ibn al-Jawzī dalam mengharungi liku kehidupan.

Beliau telah ditimpa ujian pada akhir hayatnya akibat fitnah yang disampaikan kepada Khalifah al-Nāṣir<sup>88</sup> oleh musuh-musuhnya. Akibatnya, Ibn al-Jawzī telah ditangkap lalu diikat dalam sebuah perahu dan dihantar ke bandar Wāsiṭ.

---

<sup>87</sup> ‘Umar Riḍā Kuhhālah (t.t), *Mu’ajam al-Muallifīn*, j.5, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, m. 157.

<sup>88</sup> Beliau ialah Abū al-‘Abbās Aḥmad bin al-Mustaḍīu’ yang menjadi khalifah selepas kematian bapanya pada tahun 575 H dan memerintah selama 47 tahun. Beliau lahir pada tahun 553 H di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 622 H. Lihat Ibn al-Kathīr (2001), *op. cit.* j.13, m. 108-109.

Beliau telah dipenjarakan di sebuah rumah yang uzur serta terpaksa melakukan semua perkara dengan sendiri seperti memasak dan membasuh.<sup>89</sup>

Akhirnya, beliau telah dibebaskan oleh Khalifah al-Nāṣir setelah merengkok di dalam penjara selama lima tahun.. Pembebasan ini adalah disebabkan hubungan yang baik di antara anak Ibn al-Jawzī iaitu Maḥy al-Dīn Yūsuf dengan ibu Khalifah al-Nāṣir. Yūsuf selalu berdakwah dan bertemu dengan ibu khalifah yang merasa tenang dengan nasihat yang diberikan serta timbul perasaan taasub terhadap Ibn al-Jawzī. Dengan itu, ibu Khalifah telah memohon ihsan daripada anaknya untuk membebaskan Ibn al-Jawzī. Selepas pembebasannya, beliau telah kembali ke Baghdad<sup>90</sup> untuk meneruskan kehidupan dan perjuangannya di sana. Umurnya ketika itu adalah dalam lingkungan 80an.<sup>91</sup>

Beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Jumaat 12 Ramadan 597 H.<sup>92</sup> di Baghdad dan dikebumikan di *Bāb Ḥarb*<sup>93</sup> setelah sakit selama 5 hari.<sup>94</sup>

Kewafatan Ibn al-Jawzī setelah memberi sumbangan yang amat besar kepada masyarakat Islam di Baghdad khasnya dan Umat Islam amnya tidak dapat dinafikan adalah satu kehilangan kepada semua. Walaupun jasadnya tiada namun karya-karya beliau adalah lidah yang menjadi penyambung dakwah beliau kepada generasi seterusnya.

---

<sup>89</sup> Al-Dhahabī (1990), *op. cit.* j.21, m. 376.

<sup>90</sup> Ibn Rajab (t.t), *op.cit.* j.1, m.427.

<sup>91</sup> Al-Dhahabi (1990), *op.cit.* j.21, m. 377.

<sup>92</sup> Ibn Kathīr (2001), *op.cit.* j.13 m.30. Lihat juga ‘Alī bin Muḥammad Ibn al-Aṭhīr (1970), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, j. 12, Beirut: Dār Beirut, m.171.

<sup>93</sup> ‘Umar Ridā Kubḥālāh (t.t), *op.cit.* j.5 m.157.

<sup>94</sup> al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j.21 m.379.

## 2.9 Karya-Karya.

Ibn al-Jawzī merupakan seorang ulama' yang produktif dalam penghasilan karya. Beliau menyebut bahawa pertama kali beliau mengarang buku adalah ketika berusia 13 tahun.<sup>95</sup> Beliau juga mendakwa bahawa dengan dua jarinya beliau telah menulis 2000 jilid buku.<sup>96</sup> Menurut Khayr al-Dīn al-Zereklī, Ibn al-Jawzī mempunyai sebanyak 300 buah buku dalam pelbagai disiplin ilmu.<sup>97</sup> Al-Dhahabī pula telah menyenarai sebanyak 51 buah judul karya Ibn al-Jawzī.<sup>98</sup>

Antara karya-karya beliau adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

### 2.9.1. *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr.*<sup>99</sup>

Buku ini merupakan sebuah karya Tafsir yang lengkap disusun oleh Ibn al-Jawzī dengan tujuan untuk menyenangkan orang ramai untuk membaca dan merujukinya. Ini kerana pada masa tersebut terdapat banyak kitab Tafsir tetapi semuanya adalah sama ada terlalu panjang yang menyukarkan pembacanya atau terlalu pendek yang tidak mampu untuk menerangkan maksud sesuatu ayat al-Qur'ān.

Buku ini disusun mengikut urutan surah dalam al-Qur'ān dengan dimulai dengan surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās. Tafsir yang

<sup>95</sup> Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* j.1 m.416.

<sup>96</sup> Al-Dhahabī (1990), *op. cit.* j.21. m.370.

<sup>97</sup> Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *op. cit.* j.3, m.316.

<sup>98</sup> Al-Dhahabī (1990), *op. cit.* m. 371.

<sup>99</sup> 'Abd al-Rahmān bin 'Alī al-Jawzī (2002), *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, c. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Imiyah.

dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī ini memang agak ringkas tetapi boleh dianggap lengkap kerana beberapa perkara asas dalam Ilmu Tafsir telah disentuh oleh pengarangnya. Perbahasannya meliputi bahasa, Tafsir *al-Ma'thūr*, hukum fiqh dan dikemukakan juga pandangan Ahli-ahli Tafsir dan pendapat beliau sendiri.

### 2.9.2. *Funūn al-Afnān fī 'Uyūn 'Ulūm al-Qur'ān*<sup>100</sup>

Buku ini adalah sebuah karya dalam '*Ulūm al-Qur'ān*' yang ringkas tetapi padat. Beliau membahagikan buku ini kepada beberapa bab dan setiap bab dibahagikan kepada fasal. Ini merupakan satu penyusunan isi kandungan buku yang sistematik. Antara kandungan buku ini adalah mengenai surah dan bilangan ayat al-Qur'ān, kelebihan membaca al-Qur'ān, *mutasyābih*, serta *makkī* dan *madani*. Keistimewaan buku ini yang jarang ditemui di dalam buku-buku '*ulūm al-Qur'ān*' yang lain ialah perbahasan tentang perkataan yang berlawanan di antara ayat al-Qur'ān seperti perkataan insan dan jin serta manfaat dan mudarat.

### 2.9.3. '*Ajāib 'Ulūm al-Qur'ān*'<sup>101</sup>

Buku ini ditulis oleh Ibn al-Jawzī sebelum penulisan buku *Funūn al-Afnān*. Setelah dibuat perbandingan di antara kedua-dua buku tersebut, didapati banyak

---

<sup>100</sup> 'Abd al-Rahmān bin 'Alī al-Jawzī (2001), *Funūn al-Afnān fī 'Uyūn 'Ulūm al-Qur'an*, taḥqīq Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

<sup>101</sup> Ibn al-Jawzī (1986), '*Ajāib 'Ulūm al-Qur'an*, taḥqīq 'Abd al-Fattāh 'Aāsīyūr, Kaherah: al-Zahrah li al-'alām al-'Arabi.



persamaan antara isi kandungannya. Perbezaan dan keistimewaan buku ini adalah kerana dikemukakan di dalamnya perbahasan tentang perkataan-perkataan yang sama dalam al-Qur'ān. Di antara perkataan tersebut ialah :

يا أيها الذين آمنوا

#### 2.9.4. Al-Taḥqīq fī Ahādīth al-Khilāf.<sup>102</sup>

Buku ini disusun mengikut kaedah fiqh apabila dimulai dengan Kitāb al-Taḥārah. Ibn al-Jawzī menghuraikan di dalam buku ini perkara berkaitan dengan istilah dan hukum yang berbeza di antara Mazhab Hambali dan mazhab-mazhab Fiqh yang lain.

Keistimewaan buku ini adalah kerana beliau mengemukakan hujah untuk menyokong mazhabnya dengan hadis-hadis sahih terutamanya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim. Setiap hadis pula dikemukakan dengan *sanad*<sup>103</sup> yang lengkap. Begitu juga, setiap hadis yang dijadikan hujah oleh mazhab yang lain turut dikemukakan oleh beliau untuk dijawab dan dihuraikan dengan cara menyatakan kesilapan pada pemahaman hadis atau kelemahan pada hadis seperti mendakwa bahawa hadis tersebut adalah *d'aif*<sup>104</sup>. Buku ini boleh dianggap sebagai kitab Fiqh yang disusun berdasarkan hadis Nabi menurut mazhab Hambali.

<sup>102</sup> Ibn al-Jawzī (1994), *op. cit.*

<sup>103</sup> *Sanad* adalah salsilah periwat-periwayat yang memindahkan satu-satu hadis daripada seorang yang lain sehingga dengan periwat-periwayat tersebut sampai kepada orang yang menyebut hadis tersebut. Lihat Nūr al-Dīn 'Itir (1997), *Manhaj al-Naq fi 'Ulūm al-Ḥadīth*, Damsyik: Dār al-Fikr, m. 344.

<sup>104</sup> Hadis *D'aif* ialah hadis yang tidak terkumpul padanya sifat-sifat hadis *sahih* dan hadis *hasan*. Lihat Aḥmad 'Umar Ḥasyim (1984), *Qawā'id Uṣūl al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, m. 86.

### 2.9.5. *Gharīb al-Ḥadīth*.<sup>105</sup>

Buku ini adalah antara karya yang dihasilkan oleh Ibn al-Jawzī dalam bidang hadis. Tujuan penyusunan buku ini adalah untuk menerangkan maksud perkataan yang terdapat dalam sesebuah hadis yang dianggap sukar untuk difahami oleh orang awam. Penyusunan buku ini adalah berdasarkan susunan huruf Arab dengan dimulai dengan huruf *alif*.

Namun buku ini mempunyai kelainan berbanding dengan buku-buku beliau yang lain kerana hadis-hadis yang disebut oleh beliau tidak ditakhrīj<sup>106</sup> dan disebut sanadnya. Ini kerana tujuan penyusunan buku ini adalah sebagai satu rujukan untuk mengetahui maksud satu-satu perkataan yang sukar pada sesebuah hadis dan bukan untuk menjadikan satu-satu hadis itu sebagai hujah.

### 2.9.6. *Al-'Ilal al-Mutanāhiyah fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*.<sup>107</sup>

Buku ini merupakan satu himpunan hadis-hadis masyhur di kalangan masyarakat Islam dan ahli hadis. Pengumpulan hadis tersebut adalah dengan tujuan untuk dilakukan *takhrīj* agar periwayatan dan kedudukannya diketahui sama ada *ṣahīḥ* atau *d'a'if*. Kebanyakan hadis yang disebutkan di dalam buku ini adalah bertaraf *d'a'if* dan *mawdu'* kerana ini merupakan matlamat utama

<sup>105</sup> Ibn al-Jawzī (1985), *Gharīb al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

<sup>106</sup> *Takhrīj al-Ḥadīth* bermaksud satu keterangan tentang tempat ambilan sesebuah hadis dari sumbernya yang asli serta dikemukakan dengan sanadnya dan kemudian diterangkan tentang kedudukannya ketika diperlukan. Lihat Maḥmūd al-Ṭahḥān (1996), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, Riyadh: Maktabah al-Ma'aarif li al-Nasyr wa al-Tawzī'a, m.10.

<sup>107</sup> Ibn al-Jawzī (1982), *Al-'Ilal al-Mutanāhiyah fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, taḥqīq: Irsyad al-Haq al-Atharī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

penyusunan buku tersebut. Hadis yang dikemukakan meliputi berbagai bidang seperti aqidah dan ibadah. Penyusunannya dimulai dengan bab tauhid, iman, bersuci dan solat. Keistimewaan karya ini adalah kerana Ibn al-Jawzī mengemukakan setiap hadis dengan sanadnya yang lengkap serta meliputi berbagai bidang.

### **2.9.7. Al-Muntazām fī al-Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk.<sup>108</sup>**

Buku ini adalah sebuah karya sejarah yang lengkap dan mudah untuk dirujuk. Penyusunan buku ini dimulakan dengan sejarah awal penciptaan alam meliputi langit, bumi, syurga dan sirah nabi-nabi. Ibn al-Jawzī menyusun buku ini dengan menggunakan metodologi yang biasa digunakan oleh penyusun buku-buku sejarah yang lain. Ini dilakukan dengan cara disebutkan tahun yang tertentu kemudian diikuti dengan peristiwa yang berlaku dan seterusnya dinyatakan tokoh-tokoh yang meninggal dunia pada tahun tersebut. Buku ini juga banyak memaparkan sejarah Baghdad sehingga ke tahun 574 H.

### **2.9.8. Talbīs Iblīs.<sup>109</sup>**

Buku ini adalah sebuah karya dalam bidang aqidah yang berteraskan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Di dalam buku ini, Ibn al-Jawzī mengemukakan hukum tentang keperluan umat Islam berpegang dengan aqidah Ahli Sunnah

---

<sup>108</sup> Ibn al-Jawzī (1992), *op. cit.*

<sup>109</sup> Ibn al-Jawzī (1998), *op. cit.*

wal Jamaah. Perbincangan dalam buku ini amat menarik kerana penulis menghuraikan penyelewangan aliran-aliran lain akibat bertentangan dengan ajaran al-Qur'ān dan hadis.

Buku ini juga cuba menerangkan penyelewangan yang dilakukan oleh berbagai golongan dalam Islam meliputi ulama' pemerintah, ahli Sufi, ahli ibadat dan orang awam. Fakta-fakta yang disebut oleh beliau dikemukakan berserta dengan sanad-sanad riwayat seperti mana yang diterima oleh penulis. Ini merupakan satu lagi kehebatan buku ini yang terus dijadikan rujukan oleh umat Islam sehingga ke hari ini.

### **2.9.9. *Sīrah Manāqib 'Umar Ibn Abd al-'Azīz*<sup>110</sup>**

Buku adalah sebuah karya yang disusun khas unuk memapar sejarah kehidupan Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Azīz. Antara perkara yang dikemukakan dalam buku ini adalah mengenai sanad periwayatan hadis yang diriwayatkan dari 'Umar bin 'Abd al-'Azīz. Ini adalah satu bukti keilmuan yang dimiliki oleh Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Azīz dalam bidang hadis. Seterusnya dinyatakan pula tentang sejarah pemerintahan dan keperibadian beliau. Keistimewaan buku ini adalah kerana Ibn al-Jawzī mengemukakan kata-kata nasihat Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Azīz kepada semua umat Islam yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

---

<sup>110</sup> Ibn al-Jawzī (1984), *Sīrah Manāqib 'Umar Ibn Abd al-'Azīz, taḥqīq* Na'im Zarzūr, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

### 2.9.10. *Al-Wafā' bi al-Aḥwāl al-Muṣṭafā*.<sup>111</sup>

Ia merupakan sebuah buku yang ditulis dengan lengkap mengenai diri Rasulullah yang meliputi beberapa peringkat masa kehidupan baginda. Ia memapar sejarah nabi Adam yang mempunyai kaitan dengan kelahiran nabi Muhammad serta perkara yang disentuh oleh Taurat dan Injil mengenai Nabi Muhammad. Antara lain kandungan buku ini ialah sejarah kehidupan baginda semenjak kecil, kerasulan, hijrah, mukjizat, ibadah, sifat fizikal serta kehidupan seharian. Penulisan buku ini adalah berdasarkan metod ahli hadis kerana setiap kenyataan dan fakta dinyatakan berserta dengan sanad tetapi diringkaskan sahaja oleh Ibn al-Jawzī.

Berdasar buku-buku yang telah dihasilkan oleh Ibn al-Jawzī dengan metodologi dan keistimewaan yang tersendiri merupakan satu bukti yang konkrit tentang kehebatan dan sumbangannya dalam Pengajian Islam. Beliau menulis dalam berbagai lapangan ilmu seperti tafsir, hadis, fiqh dan sejarah. Karya-karya beliau yang telah dicetak atau pun yang masih dalam bentuk manuskrip sewajarnya dikaji untuk dimanfaatkan bagi kepentingan Umat Islam.

---

<sup>111</sup> Ibn al-Jawzī (1988), *Al-Wafā' bi al-Aḥwāl al-Muṣṭafā, taḥqīq*: Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā', Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

## **2. 10. Kesimpulan.**

Ibn al-Jawzī yang hidup pada kurun Keenam Hijrah telah diiktiraf sebagai seorang ulama' yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Beliau yang lahir dan menetap di Baghdad telah menggunakan kesempatan ini untuk menimba ilmu pengetahuan dan mengembangkannya melalui lisan dan tulisan dengan sebaik mungkin. Ilmunya dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat samada Khalifah, pemimpin dan juga rakyat jelata. Karya beliau yang begitu banyak adalah satu bukti yang kukuh tentang keilmuan dan sumbangannya kepada masyarakat Islam pada zamannya dan melangkaui zaman seterusnya. Karya-karya beliau meliputi berbagai bidang seperti al-Qur'ān dan tafsir, hadis, sejarah serta dakwah.